

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April, 1991

AMU 402 - PENGURUSAN BARANGAN

Masa : [3 jam]

-----  
ARAHAN  
-----

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan di BAHAGIAN A adalah WAJIB. Pilih DUA soalan lain dari BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A (WAJIB)  
-----

1. "Ujian pasaran (test market), fasa terakhir bagi proses pembentukan produk baru (sebelum ianya dikomersialkan) adalah penting untuk memastikan pihak pengurusan memperkenalkan produk yang menepati keperluan sasaran pasaran". Adakah pernyataan ini betul? Bincangkan.

[25 markah]

2. Bagi tujuan mengurangkan keadaan ketidakpastian (uncertainty) di dalam pasaran, proses perancangan dan pembentukan produk baru memerlukan satu sistem penilaian yang tepat (well-defined). Bincangkan kriteria-kriteria dan pendekatan-pendekatan yang diperlukan untuk menilai dan menapis ide produk baru bagi mencapai matlamat yang tersebut?

93

[25 markah]

BAHAGIAN B

Pilih DUA soalan sahaja.

3. "Canabalism" sama ada secara terancang ataupun tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap portfolio perniagaan sesebuah firma? Bagaimanakah ini boleh terjadi? Bincangkan?

[25 markah]

4. Apabila sesuatu produk telah mencapai tahap ketepuan (saturation) di dalam kitar pusingan hayatnya, satu sistem saluran pengedaran yang baru akan dapat mempertingkatkan semula kadar pertumbuhannya. Adakah ini benar? Jelaskan?

[25 markah]

5. Kejayaan sesuatu produk baru, adalah disokong oleh daya kreatif dan inovatif pihak pengurusan. Namun begitu menurut Thomas D. Kuczmurski, terdapat beberapa faktor utama lain yang memastikan kejayaan ini. Apakah faktor-faktor itu?

[25 markah]

6. (a) Berikan takrifan "Pengurusan produk".

[5 markah]

- (b) Bincangkan persoalan-persoalan asas yang perlu dipertimbangkan sebelum sesuatu keputusan berkaitan dengan produk diambil?

[20 markah]

---ooo0000ooo---